

Isnin, Jan 15 2018

Kutipan GST RM42 bilion tahun lalu

UTUSAN 15/1

JOHOR BAHRU 14 Jan. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengutip lebih RM42 bilion hasil pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sepanjang tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, jumlah kutipan itu melebihi sasaran RM42 bilion bagi 2017.

"Sasaran kerajaan iaitu RM42 bilion kutipan GST bagi 2017 berjaya kita capai, malah melebihi jumlah ditetapkan.

"Namun angka sebenar akan diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penyempurnaan Sekolah Jenis Kebangsaan Ta-

mil (SJKT) Bukit Serampang Indah, Taman Bukit Indah di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Ahli Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan Pengerusi MIC negeri, Datuk M. Asojan.

Sementara itu, Subromaniam memberitahu, pihaknya telah menahan seorang individu yang disyaki menyamar sebagai pegawai kastam untuk menipu masyarakat berhu-

bung kutipan GST.

"Individu itu ditahan berhubung dua kes penyamaran sebagai pegawai kastam di sekitar bandar raya ini pada minggu lalu," tambahnya.



T. SUBROMANIAM